



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 4 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PENGURUSAN GOLONGAN SASARAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bahagian Hal Ehwal Akademik
12 Mei 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

12 Mei 2020

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 4 TAHUN 2020**

GARIS PANDUAN PENGURUSAN GOLONGAN SASARAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-189 Bilangan 4/2020 yang bersidang pada 12 Mei 2020 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengurusan Golongan Sasaran Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2013, Mesyuarat Senat Kali ke-113 Bil 12/2013 telah memutuskan supaya pemantauan teliti dilaksanakan oleh semua Dekan fakulti terhadap pelajar yang tergolong dalam kategori keluarga berpendapatan Bottom 40 (B40), OKU, Orang Asli dan Atlet agar tidak berlaku keciciran. Selain itu, kemudahan asrama juga perlu disediakan kepada pelajar golongan sasaran ini.
- 2.2 Pada 2 Mac 2019, YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan bahawa pelajar daripada kalangan empat (4) kumpulan ini akan disediakan laluan khas bagi kemasukan ke Universiti Awam (UA) mulai tahun 2019.

- 2.3 Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Akademik telah membentangkan cadangan Garis Panduan Golongan Sasaran dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasukan Kali Ke-74 Bil.4/2019 bertarikh 29 November 2019 dan telah diperakukan dengan pindaan.
- 2.4 Mesyuarat Senat Kali Ke-185 Bil. 12/2019 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Golongan Sasaran Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan penambahbaikan seperti berikut:
- i. golongan B40 dikategorikan bagi pelajar yang mempunyai isi pendapatan rumah RM3860 ke bawah.
 - ii. memasukkan dasar inklusif OKU berkaitan dalam perkara 7.2.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

Garis Panduan Pengurusan Golongan Sasaran Universiti Pendidikan Sultan Idris

- 3.2 Garis Panduan Pengurusan Golongan Sasaran Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti dalam Lampiran A.
- 3.3 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 12 Mei 2020.

PUAN SUHAILA SIDEK

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 12 Mei 2020

Lampiran A

GARIS PANDUAN PENGURUSAN GOLONGAN SASARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan memberi fokus kepada golongan sasaran B40, OKU, Orang Asli dan Atlet. Ia bertujuan untuk memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan dalam mengurus golongan sasaran ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2013, Mesyuarat Senat Kali ke-113 Bil 12/2013 telah memutuskan supaya pemantauan teliti dilaksanakan oleh semua dekan fakulti terhadap pelajar yang tergolong dalam kategori keluarga berpendapatan Bottom 40 (B40), OKU, Orang Asli dan Atlet agar tidak berlaku keciciran. Selain itu, kemudahan asrama juga perlu disediakan kepada pelajar golongan sasaran ini.
- 2.2 Pada 2 Mac 2019, YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan bahawa pelajar daripada kalangan **empat (4)** kumpulan akan disediakan laluan khas bagi kemasukan ke Universiti Awam (UA) mulai tahun 2019. Golongan sasaran ini terdiri daripada keluarga berpendapatan *Bottom 40* (B40), Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Asli dan atlet.
- 2.3 Golongan sasaran ini diberi prioriti dengan syarat memenuhi syarat am dan syarat khas program.

3. TAKRIFAN

3.1 Definisi B40

- 3.1.1 Berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2016, kumpulan golongan B40 ditakrifkan sebagai kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM4,360.00.

- 3.1.2 Kumpulan isi rumah B40 juga merangkumi isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Nilai PGK nasional adalah RM950.00 sebulan.
- 3.1.3 Di peringkat UPSI, B40 dikategorikan bagi pelajar yang mempunyai isi pendapatan rumah RM3860 ke bawah.
- 3.1.4 Para pelajar B40 di peringkat prasiswazah akan dinilai melalui kes demi kes untuk mendapat potongan yuran pengajian.

3.2 Definisi OKU

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, “OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam Masyarakat”.

3.3 Definisi Orang Asli

3.3.1 Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- a) mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

3.3.2 Penduduk Negeri Sabah dan Sarawak

“Anak Negeri” pula telah ditakrifkan di bawah Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

- a) berhubung dengan Sarawak, seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu;
- b) berhubung dengan Sabah, seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah padam masa kelahiran itu.

3.4 Definisi Atlet

(atlét) orang yang giat dalam lapangan sukan, ahli sukan. (**Kamus Dewan Edisi Keempat**)

Bagi konteks UPSI, atlet didefinisikan sebagai pelajar yang giat dalam lapangan sukan mewakili UPSI di peringkat universiti, negeri, atau negara.

4.0 PELARASAN DATA

- 4.1 Data diselaraskan dalam satu sistem integrasi (IMS) yang boleh diakses oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Fakulti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA) dan Pusat Tanggungjawab (PTj) lain yang berkaitan.
- 4.2 Antara item yang perlu diisi oleh pelajar/ PTj adalah seperti berikut:
 - a) Nama
 - b) Jantina
 - c) Pendapatan isi rumah beserta bukti
 - d) Saiz keluarga
 - e) Negeri
 - f) Perkembangan akademik (PNGK)

- g) Nama Penasihat Akademik / Kumpulan
 - h) Bantuan / Sokongan (contoh: Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Biasiswa)
 - i) Catatan
 - j) Maklumat kesihatan diri dan ibubapa / penjaga
- 4.3 BHEA akan menggunakan kod warna tertentu dan menetapkan kaedah pengiraan merit dalam sistem Mysis supaya setiap PTj mudah mengenal pasti golongan sasaran berkaitan secara lebih bersistematis.

5.0 PROSEDUR KERJA PERMOHONAN BANTUAN

- 5.1 Pelajar perlu melengkapkan maklumat peribadi dalam portal pelajar. Sekiranya pelajar tidak melengkapkan maklumat peribadi, akses pelajar untuk melihat keputusan peperiksaan akan disebat.
- 5.2 BHEA menghantar data ke fakulti untuk disahkan oleh Penasihat Akademik (PA) di fakulti masing-masing melalui sistem Mysis.
- 5.3 PA akan mengesahkan maklumat data pelajar berkaitan di dalam sistem Mysis dan menasihatkan pelajar untuk memohon bantuan atas talian.
- 5.4 Pelajar perlu memohon bantuan yang ditawarkan oleh JHEPA secara atas talian dalam laman web yang disediakan. Hanya pelajar-pelajar yang memohon secara atas talian sahaja akan disaring untuk diberikan bantuan.
- 5.5 JHEPA akan menyaring dan memanggil pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk ditemu duga.
- 5.6 JHEPA akan menghantar senarai nama calon yang berkelayakan untuk diberikan bantuan kepada pihak Bendahari.
- 5.7 Bendahari membuat pembayaran kepada pelajar.

6.0 PROSEDUR KERJA PENASIHATAN AKADEMIK

- 6.1 BHEA telah mewujudkan Sistem Penasihat Akademik secara atas talian. bertujuan untuk Fakulti membimbing, menasihat dan membantu mengatasi masalah-masalah pelajar dalam hal ehwal akademik.
- 6.2 Penasihat Akademik diwajibkan untuk merekod segala butiran maklumat pertemuan bersama pelajar di bawah seliaannya dan dipantau oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) secara berkala sekurang-kurangnya tiga (3) kali bagi setiap semester.
- 6.3 Penasihat Akademik bertanggungjawab untuk mengesahkan maklumat peribadi pelajar-pelajar bawah seliaannya bagi tujuan permohonan bantuan kebajikan.

7.0 KEMUDAHAN

7.1 *BOTTOM 40 (B40)*

7.1.1 Penginapan

- (a) Penginapan di hostel bagi golongan B40 adalah terjamin sepanjang tempoh pengajian tertakluk dengan dasar kolej kediaman seperti mata MyCAT.

7.2 ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

7.2.1 Persekutaran Akademik

7.2.1.1 Pengajaran dan Pembelajaran

- (a) Mengadakan latihan asas dan lanjutan kepada semua kakitangan akademik bagi menerapkan prinsip reka bentuk sejagat bagi pembelajaran (*Universal Design in Learning*).
- (b) Mengadakan kursus induksi reka bentuk sejagat bagi pembelajaran kepada semua kakitangan akademik yang baru.
- (c) Menyediakan video dan manual berkenaan keperluan khas pengajaran dan pembelajaran untuk rujukan kakitangan akademik.

7.2.1.2 Pentaksiran dan Penilaian

- (a) Melatih kakitangan akademik untuk memberi penyesuaian munasabah (*reasonable accommodation*) dalam pelaksanaan ujian dan penilaian.
- (b) Semua pelajar OKU diberikan masa tambahan untuk menjawab soalan peperiksaan mengikut standard yang telah ditetapkan.
- (c) Sekiranya pelajar OKU tidak mampu menggerakkan tangan secara aktif, pelajar dibenarkan menjawab soalan peperiksaan dengan cara menaip menggunakan komputer sambil dipantau oleh pihak BHEA atau pensyarah.
- (d) Sekiranya pelajar OKU masih tidak mampu menjawab peperiksaan dengan cara menaip, pihak BHEA atau pensyarah akan membantu menaip skrip jawapan pelajar berdasarkan jawapan yang diberikan pelajar secara lisan.
- (e) Pelajar OKU disediakan bilik peperiksaan khas bagi kes-kes kronik.

7.2.1.3 Peralatan dan Teknologi Pendidikan

- (a) Menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian mengikut keperluan individu pelajar OKU.

7.2.1.4 Tempoh Pengajian Pelajar

- (a) Menyediakan kemudahan tempoh pengajian yang fleksibel dan tidak ditetapkan mengikut bilangan semester atau tahun pengajian megikut keperluan pelajar OKU.

7.2.1.5 Alat Sokongan Peralatan

- (a) Menyediakan alat bantuan dan sokongan yang bersesuaian kepada semua kategori OKU.

7.2.3 Persekutaran Sosial

7.2.3.1 Penginapan

- (a) Pelajar OKU yang terpaksa bergerak menggunakan tongkat atau kerusi roda akan diberikan penginapan di aras bawah kolej kediaman dan dibenarkan untuk memilih rakan sebilik melalui sistem *buddy* yang diperkenalkan oleh JHEPA.
- (b) Penginapan yang disediakan di kolej kediaman bagi pelajar-pelajar OKU adalah berhampiran dengan tandas bagi memudahkan mobiliti.

7.2.3.2 Keselamatan OKU dalam Situasi Kecemasan

- (a) Menambahbaik prosedur dan kemudahan berkaitan situasi kecemasan dan aspek keselamatan dengan mengambil kira keperluan OKU pelbagai kategori.
- (b) Memberi pendedahan kepada OKU tentang tindakan yang perlu diambil semasa kecemasan

7.2.3.3 Kaunseling dan Emosi OKU

- (a) Mengadakan akses mesra OKU kepada perkhidmatan kaunseling.
- (b) Menyediakan kaunselor yang mahir untuk mengendalikan klien OKU termasuk memberi khidmat nasihat dalam pembangunan kerjaya.

7.2.3.4 Pembangunan Industri, Peluang Pekerjaan dan Latihan Praktikal

- (a) Menjalin perkongsian pintar bersama sektor swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU.
- (b) Menyediakan khidmat nasihat kepada majikan dari segi keperluan pelajar atau graduan OKU di tempat kerja.

7.2.3.5 Kesihatan dan Sokongan Sosial

- (a) Menyediakan perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial yang mesra OKU.

7.2.3.6 Kesukarelawanan

- (a) Menggalakkan penyertaan OKU dalam badan-badan kesukarelawanan.
- (b) Mengalakkan perkongsian strategik di antara persatuan-persatuan pelajar dan kelab pelajar OKU.

7.3 ORANG ASLI

Orang Asli di UPSI diberi kemudahan sebagaimana golongan B40 tertakluk kepada kelulusan Dekan dan menepati definisi B40 menurut garis panduan ini.

7.4 ATLET

Atlet yang mewakili Negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau universiti untuk tempoh tertentu yang diluluskan oleh Dekan boleh dipertimbangkan untuk:

- (a) tidak hadir penuh kuliah, tutorial, makmal, studio atau aktiviti lain yang berhubung dengan kursus pengajiannya. Walau bagaimanapun, pensyarah boleh memberi tugas atau kuliah tambahan kepada pelajar terlibat
- (b) tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir kursus tertentu sekiranya kehadirannya kurang daripada 80% tetapi mesti melebihi 60%
- (c) pencapaian dalam kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir tidak terjejas sekiranya kehadiran kurang daripada 80% tetapi mesti melebihi 60%
- (d) membuat perkongsian pengalaman melalui pembentangan di dalam kelas
- (e) Setiap fakulti digalakkan tetapi tidak diwajibkan untuk memberikan bantuan ihsan kepada setiap golongan sasaran mengikut kemampuan fakulti

masing-masing.

8.0 PENUTUP

- 8.1 Mana-mana perkara yang tidak dirangkumi dalam garis panduan ini tetapi digunakan dalam pelaksanaan proses kerja pengurusan golongan sasaran serta tiada mendatangkan mudarat kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau mana-mana peraturan semasa yang berkuatkuasa adalah dibenarkan.
- 8.2 Garis Panduan ini juga boleh dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mahupun Universiti atau tuntutan lain bertujuan sebagai penambahbaikan kepada proses sedia ada.